



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

27 SEPTEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 751 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 195,015 kes.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,273 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 174,723 orang. Manakala 3,362 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,247 orang di hospital, 2,069 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 38 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala lapan (8) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 150 orang merangkumi 130 di ICU/repurposed kritikal care serta 20 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 52 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated).
- 3 Pecahan daerah mengikut zon:
 - Zon Merah 27 daerah

4 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Hari ini Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes yang agak besar dengan jumlah di bawah lapan ratus. Ini adalah satu jumlah terendah sejak 27 Julai 2021. Kumulatif harian Negeri Sabah yang dicatatkan pada hari ini ialah sebanyak (751) kes dengan jumlah penurunan sebanyak (-327) kes berbanding semalam.
- b. Perubahan angka jangkitan yang direkodkan di setiap daerah masih tidak statik. Walau bagaimanapun, trend penurunan angka jangkitan hari ini adalah selari dengan jumlah daerah yang merekodkan penurunan kes iaitu sebanyak 18 daerah, dengan cuma enam (6) daerah mencatatkan peningkatan kes dan tiga (3) daerah kekal mencatatkan jumlah kes sebagaimana angka semalam.
- c. Kawasan bandar-bandar utama juga menunjukkan trend rekod yang baik di mana semua bandar utama merekodkan penurunan kes kecuali Kota Kinabalu dengan catatan 140 (+17) dan juga Semporna 12 (+1) kes. Antara enam (6) daerah yang merekodkan peningkatan kes pada hari ini, hanya Kinabatangan sahaja yang menunjukkan peningkatan signifikan iaitu 67 (+51) kes. Peningkatan yang agak tinggi ini adalah disebabkan oleh penambahan (46) kes baharu di dua kluster sedia ada di Daerah tersebut.
- d. Antara 18 daerah lain yang mencatatkan penurunan ketara ialah Lahad Datu 50 (-81) kes, Ranau 17 (-52) kes, Keningau 51 (-51) kes, Kota Marudu 27 (-34) kes, Penampang 36 (-28) kes, Nabawan 14 (-25) kes, Sandakan 60 (-21) kes, Pitas 19 (-20), Kudat 7 (-15) kes, Putatan 21 (-13) kes, Tawau 29 (-12) kes, Tongod 2 (-12) kes, Tuaran 46 (-11) kes dan Tambunan 2 (-10) kes.
- e. Daripada (751) kes yang didaftar hari ini, (302) kes atau 40.21% adalah kes-kes lewat daftar antara 2 hingga 3 hari, (30) kes atau 3.99% adalah lewat daftar 4 hingga 5 hari dan (9) kes atau 1.20% adalah kes yang berdaftar lewat melebihi 5 hari selepas keputusan saringan diketahui. Kes-kes hari ini juga melibatkan (20) OKT/Bantuan dan tujuh (7) orang pekerja pelantar minyak *offshore*.

- f. Saringan Kontak Rapat kekal penyumbang utama keseluruhan kes di Sabah hari ini dengan (366) kes atau 48.7%, Saringan Bergejala (232) kes atau 30.9%, (46) kes atau 6.1% daripada Saringan Kluster, satu (1) kes atau 0.1% dari Saringan Bersasar dan (106) kes atau 14.1% melalui Saringan Lain-lain.
- g. Kes-kes bergejala yang juga dikenali sebagai kes-kes jangkitan sporadik sering dikaitkan dengan kegagalan mematuhi SOP dan penjagaan kesihatan diri. Hari ini 30.9% kes di Sabah adalah daripada kategori saringan bergejala. Pematuhan SOP adalah kunci utama penjagaan diri untuk mengelak daripada jangkitan virus COVID-19.
- h. Daripada (751) kes yang berdaftar hari ini, (254) kes atau 33.82% adalah pesakit dalam Kategori 1, (454) kes atau 60.45% dalam Kategori 2, lima (5) kes dalam Kategori 3, tujuh (7) kes dalam Kategori 4 dan empat (4) kes dalam Kategori 5. (27) kes masih dalam siasatan. 84.69% daripada jumlah keseluruhan pesakit adalah warganegara Malaysia.
- i. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (366) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	46	6.1%
2	Bergejala	232	30.9%
3	Kontak	366	48.7%
4	Bersasar	1	0.1%
5	Lain-lain	106	14.1%
JUMLAH		751	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (26 September 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 26/09/2021	Catatan Kes 27/09/2021	Perbandingan
1	Kinabatangan	16	67	+51
2	Kota Kinabalu	123	140	+17
3	Papar	32	37	+5
4	Sipitang	6	9	+3
5	Semporna	11	12	+1
6	Beluran	16	17	+1
7	Kuala Penyu	1	1	Mendatar
8	Tenom	14	14	Mendatar
9	Telupid	12	12	Mendatar
10	Lahad Datu	131	50	-81
11	Ranau	69	17	-52
12	Keningau	102	51	-51
13	Kota Marudu	61	27	-34
14	Penampang	64	36	-28
15	Nabawan	39	14	-25
16	Sandakan	81	60	-21
17	Pitas	39	19	-20
18	Kudat	22	7	-15
19	Putatan	34	21	-13
20	Tawau	41	29	-12
21	Tongod	14	2	-12
22	Tuaran	57	46	-11
23	Tambunan	12	2	-10
24	Kota Belud	51	43	-8
25	Beaufort	12	6	-6
26	Kunak	15	11	-4
27	Kalabakan	3	1	-2
JUMLAH		1,078	751	-327

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (13 – 26 September)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	69	33	0	38	140	2,797
Kinabatangan	46	16	4	0	1	67	733
Sandakan	0	23	25	0	12	60	1,562
Keningau	0	33	15	0	3	51	1,051
Lahad Datu	0	18	24	0	8	50	1,415
Tuaran	0	38	6	0	2	46	1,202
Kota Belud	0	31	8	0	4	43	949
Papar	0	14	22	0	1	37	1,040
Penampang	0	19	14	0	3	36	945
Tawau	0	12	13	0	4	29	831
Kota Marudu	0	9	16	0	2	27	950
Putatan	0	3	15	0	3	21	697
Pitas	0	17	1	0	1	19	665
Ranau	0	7	3	0	7	17	840
Beluran	0	12	2	1	2	17	521
Tenom	0	11	2	0	1	14	393
Nabawan	0	12	2	0	0	14	399
Semporna	0	1	4	0	7	12	146
Telupid	0	7	2	0	3	12	336
Kunak	0	4	7	0	0	11	252
Sipitang	0	4	4	0	1	9	117
Kudat	0	3	2	0	2	7	393
Beaufort	0	1	5	0	0	6	204
Tambunan	0	2	0	0	0	2	178
Tongod	0	0	2	0	0	2	266
Kalabakan	0	0	1	0	0	1	190
Kuala Penyu	0	0	0	0	1	1	51
JUMLAH	46	366	232	1	106	751	19,123

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kinabatangan	Kluster Sawit M1	35
	Kluster Sungai Bendera	11
JUMLAH		46

5 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

6 Jumlah kapasiti katil 7,252 unit

- Hospital 1,985 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,567 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 46.36%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 27 SEPTEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	727
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	4
Orang Dalam Tahanan /Banduan	20
Jumlah	751

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Selangor	3
WP Labuan	1
Jumlah	4

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	636
Bukan Malaysia	115
Jumlah	751

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	142
Belum Menerima Vaksin	242
Menerima 1 Dos	58
Lengkap 2 Dos	309
Jumlah	751

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	13
1 to 5	60
6 to 11	69
12 to 17	67
18 to 25	82
26 to 59	379
>60	81
Jumlah	751

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 27 September 2021)
1	Kota Marudu	3
2	Ranau	3
3	Kota Belud	2
4	Kota Kinabalu	2
5	Tawau	2
6	Beluran	1
7	Keningau	1
8	Kudat	1
9	Papar	1
10	Tambunan	1
11	Telupid	1
JUMLAH		18

D PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Dua (2) lokaliti di Kota Kinabalu <ul style="list-style-type: none">Kampung WarisanRumah Pangsa Tanjung Aru	15 September 2021	Ditamatkan pada 28 September 2021 seperti yang dijadualkan
2.	Kampung Rugading, Kota Marudu	15 September 2021	Ditamatkan pada 28 September 2021 seperti yang dijadualkan
3.	Kilang Fu Yee, Brantian, Kalabakan	15 September 2021	Ditamatkan pada 28 September 2021 seperti yang dijadualkan

E STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 26 September 2021 adalah seramai 24,319 orang. Daripada jumlah ini, seramai 15,073 orang adalah penduduk dewasa dan seramai 9,246 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 atau Cansino setakat 26 September 2021 adalah seramai 2,213,192 orang. Ini meliputi 1,988,697 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 72.1% jumlah penduduk dewasa, manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 1,696,916 dengan 1,696,726 orang atau 61.5% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 224,495 orang atau 52.7% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 190 orang setakat ini.

F BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **610,266** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

G LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 66 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 31,167 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 75 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 75 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.

- 2 Sebanyak 40 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- 18 Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Enam (6) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
 - 16 Orang : Aktiviti Menyukarkan Penjarakan Fizikal
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 160 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 24 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,125 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dan notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
- ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 377 premis perniagaan dan 509 individu di 18 kawasan. Dua puluh dua (22) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Allysa Mini Mart, Damai (1 Orang), Majaztea Damai (1 Orang), Katrin Bj Sdn. Bhd., Damai (1 Orang), Syarikat Nas Enterprise, Damai (1 Orang), SK Trading Co., Inanam Baru (1 Orang), Restoran 818 Macau Chicken Rice, Inanam (2 Orang), KK Seal Supplies Sdn. Bhd., Inanam Baru (1 Orang), Advance Ent Sdn. Bhd., Inanam Baru (2 Orang), Wet & Dry Centre Laundry, Inanam (1 Orang), Ikan Baulu Tanpa Tulang II, Inanam Taipan (2 Orang), Kedai Kopi Jin Main Lou, Inanam (1 Orang), KFC Inanam Taipan (1 Orang), Watson Inanam Taipan (1 Orang), PMG Pharmacy Sdn. Bhd., Inanam (2 Orang), Kedai Kopi Min Hiong, Inanam (1 Orang), Gold Leaf Cafe, Inanam (1 Orang), 88 Retailer Sdn. Bhd., Inanam (1 Orang) dan 101 Concept Megastore, Inanam (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 222 Premis Perniagaan melibatkan 136 anggota APM. Sebanyak enam (6) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 121 anggota di 192 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 15 premis, melibatkan lapan (8) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 132 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di sembilan (9) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 88 hebahan di seluruh Sabah.

H KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **96.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	97%
2	Kunak	97%
3	Tawau	96.5%
4	Kudat	96.5%
5	Beluran	96.5%
6	Keningau	96.5%
7	Tenom	96.5%
8	Tuaran	96.5%
9	Sipitang	96.5%
10	Kota Marudu	96.5%
11	Beaufort	96.5%
12	Papar	96.5%
13	Kota Kinabalu	96%
14	Kinabatangan	96%
15	Kota Belud	96%
16	Lahad Datu	96%
17	Sandakan	96%
18	Ranau	96%
19	Penampang	96%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Nota : Terdapat beberapa data belum diterima dan akan dilengkapkan kemudian apabila telah diterima.

Sekian.

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**